

Pelajar UMS menang festival filem mini

DE 13.6.2014 7

KOTA KINABALU: Pelajar tahun akhir dalam program seni visual, Ku Mohammad Khairul Zaidi Ku Din (Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan) dari Universiti Malaysia Sabah menang dalam festival filem mini ke 10 yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), baru-baru ini.

Tekniknya menggunakan lebih daripada 70 peratus visual khas dalam sebuah filem bertajuk '*The Bloody Niggt*' menyaksikan Ku Mohammad mengalahkan peserta lain dari universiti seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kota Samarahan, Universiti Teknologi Swinburne, Curtin University, Kolej Antarabangsa Teknologi Lanjutan Sarawak (ICATS), dan Kolej SEGi.

"Saya menggunakan pengetahuan yang dipelajari melalui Program Teknologi Seni Visual dan menggabungkannya dengan kerja keras untuk menghasilkan sesuatu yang unik."

Sokongan dan panduan daripada pensyarah dan rakan-rakan juga mempengaruhi saya ke arah ini, tambahnya.